

 MediaLiteracyCouncilSG
www.betterinternet.sg



JAGA DIRI ANDA

TIP KENAL PASTI PENIPUAN ATAS TALIAN YANG BIASA BERLAKU



CARA LUNGSURI TALIAN YANG BETUL

- CIPTA**
kata laluan yang kuat
- LINDUNGI**
maklumat peribadi
- BUAT PENGESEAHAN**
sebelum tekan klik

 **CHECK
Please!**
Be Safe. Be Smart. Be Kind.



Organised by:



Supported by:



In association with:

SG:D | GET READY!

Sebelum anda percaya atau tekan klik,

TOLONG PERIKSA DAHULU!

Gunakan senarai semak 7 tip kami untuk mengetahui cara mengelak daripada ditipu.

01 BERHATI-HATI DENGAN PANGGILAN PELIK

Panggilan daripada nombor yang tidak dikenali tidak semestinya sesuatu penipuan, tetapi ia salah satu penipuan paling biasa berlaku di Singapura. Mereka menghubungi anda untuk mendapatkan maklumat peribadi dan duit anda. Mereka mungkin akan menakut-nakutkan anda atau beramah-mesra, malah mungkin mereka tahu butir peribadi melalui sosial media anda. Letakkan telefon dengan segera dan periksa dengan organisasi tersebut untuk mengetahui sama ada panggilan itu daripada mereka.

02 PASTIKAN BUTIR PERIBADI ANDA SELAMAT

Berhati-hati dengan maklumat peribadi yang anda kongsikan dalam talian. Sukar untuk menentukan cara dan masa ia digunakan apabila maklumat peribadi boleh didapati secara awam.

03 PERIKSA RESIT YANG MENCURIGAKAN

Jika anda menerima invois bagi produk atau perkhidmatan yang tidak dibeli, sama ada melalui pos atau e-mel, periksa dengan pembekal secara langsung. Penipuan resit palsu kerap menyuruh anda untuk membuat pengesahan pembelian melalui laman sesawang palsu yang memerlukan butir akaun anda.

04

BERHATI-HATI JIKA SESEORANG MEMINTA DUIT ANDA

Berhati-hati semasa mempercayai seseorang yang anda tidak pernah bertemu secara peribadi, dan dia pula menawarkan sokongan emosi bukannya kewangan.

05

JANGAN TANGGALKAN PAKAIAN

Jika anda dipujuk atau diugut untuk menghantar gambar atau video tidak senonoh, si penipu mungkin akan mengugut untuk menyebarkannya melainkan anda membayar wang tebusan. Berhati-hati apabila menerima permintaan untuk berkawan daripada orang asing, dan hentikan segala hubungan jika perbualan menjadi tidak selesa.

06

AMBIL TAHU APABILA ANDA MENDAFTAR

Sesetengah syarikat mungkin meminta butiran kad anda untuk mengenakan harga yang murah atau memberikan percubaan percuma bagi sesbuah perkhidmatan, kemudian secara automatik mengenakan bayaran langganan. Periksa ulasan syarikat tersebut, dan baca terma dan syarat sebelum mendaftar. Periksa kenyataan bank dengan kerap untuk mengetahui jika anda dikenakan bayaran untuk sebarang langganan.

07

AMALKAN TABIAT BAIK SEMASA DALAM TALIAN

Sebelum memberikan maklumat peribadi, sila sahkan sumber tersebut. Sentiasa beringat untuk menetapkan kata laluan yang kuat dan tukarnya dengan kerap.

